



DR. MOHAMAD IDRIS ALI bersama mahasiswa UMP dalam program menanam pokok bakau di Pantai Chendor, Kuantan, Pahang, semalam. - GAMBAR IHSAN UMP

## UMP pupuk semangat cintakan alam sekitar

**KUANTAN 31 Okt.** - Seramai 45 mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) termasuk dari luar negara berganding bahu menjayakan program khidmat masyarakat bagi membersihkan pantai serta menanam 500 pokok bakau di Pantai Chendor, di sini baru-baru ini.

Dekan FKASA UMP, Dr. Mohamad Idris Ali berkata, program itu dijalankan atas kesedaran bahawa menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab

semua pihak.

Katanya, kurang kesedaran tentang kepentingan memulihara alam sekitar membuatkan ramai individu bersikap memertingkan diri sendiri dengan membuang sampah di merata-rata tempat termasuk laut dan sungai.

"Program ini dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa FKASA khususnya kepada mahasiswa antarabangsa tentang kepentingan pemuliharaan pantai."

"Aktiviti ini juga dapat mem-

buka mata para sukarelawan untuk lebih memahami pentingnya menjaga alam sekitar dan meningkatkan kesedaran terhadap bahaya pencemaran pantai," katanya dalam program berkenaan.

Yang hadir sama, Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) UMP, Noram Irwan Ramli dan Pengarah program, Dr. Doh Shu Ing.

Menurut Mohamad Idris, selain menanam pokok, aspek kebersihan perlu dititikberatkan kerana pembuangan plas-

tik, straw, botol dan sampah sarap lain boleh mendatangkan bahaya kepada kehidupan laut terutama penyu.

Sementara itu, Shu Ing memberitahu, program itu bermula dengan sesi penerangan mengenai pokok bakau dan penanamannya sebagai barisan penghadang bagi menahan ombak atau arus deras.

"Mereka kemudian dibawa ke kawasan pantai sejauh 10 kilometer dan mengumpulkan lebih 30 bungkus sampah di kawasan ini," katanya.